

11/12/1998

Syabas GP Joran: Dr M

aniza Idris

TIADA yang lebih bermakna dalam penganjuran siri Grand Prix (GP) Joran kecuali apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyempurnakan upacara pelepasan 50 bot yang membawa kira-kira 300 peserta kategori laut dalam bagi pusingan akhir GP Joran di jeti Hotel Awana Porto Malai, Sabtu lalu.

Perdana Menteri bersama Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta Exco Pelancongan, Rekreasi dan Sukan, Abdul Rahman Ariffin, membunyikan hon tepat jam 6 petang sebagai isyarat permulaan pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM31,450 itu.

Kehadiran Dr Mahathir menyempurnakan upacara itu mencatatkan sejarah tersendiri buat peserta GP Joran Langkawi serta Unit Joran Berita Harian sepanjang penganjuran 12 siri pertandingan sejak tahun lalu.

Turut hadir ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga ahli Parlimen Langkawi dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Ahmad Rejal Arbee.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Berita Harian kerana menganjurkan kegiatan yang positif kepada rakyat dan sektor pelancongan.

"Saya ucap tahniah kepada Berita Harian kerana ia adalah kegiatan yang menarik dan begitu positif. Saya cari kegiatan yang positif... yang negatif saya tak berkenan," katanya.

Pada sebelah pagi, sejurus selepas tiba dengan sebuah bot di jeti Awana Porto Malai, Dr Mahathir singgah meninjau jualan barangan cenderamata GP Joran seperti kemeja-T, payung, pen, pemetik api, beg, topi dan replika ikan layar di Bazar Joran.

Beliau dihadiahkan sebuah topi GP sebagai tanda kenangan melawat bazar itu yang disampaikan Ketua Pengarang Berita, Berita Harian, Manja Ismail.

Selama kira-kira 10 minit di Bazar Joran, Dr Mahathir sempat bermesra dengan anggota Team Joran dan peserta yang mengesahkan pendaftaran di kaunter berhampiran.

(END)